

21/03/2000

Semua usul perlu dapat sokongan majoriti: Dr M

Kadir Dikoh; Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ahli Umno pada peringkat bahagian berhak menyuarakan pandangan mereka tetapi sebarang usul yang dikemukakan perlu mendapat sokongan majoriti.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, ahli boleh memberi pandangan kerana Umno mengamalkan demokrasi.

"Kita akan tengok, kita parti demokrasi. Nak buat cadangan boleh tetapi mesti disokong majoriti," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, petang ini.

Beliau mengulas usul yang diluluskan pada mesyuarat perwakilan Umno bahagian Sungai Siput dan Wanita bahagian Batu semalam yang mencadangkan syarat peratusan pencalonan untuk jawatan tertinggi dalam parti dimansuhkan.

Berdasarkan syarat yang diamalkan sekarang, seseorang calon yang ingin bertanding jawatan Presiden perlu mendapat 30 peratus pencalonan atau sokongan 50 daripada 165 bahagian, manakala bagi jawatan Timbalan Presiden pula 20 peratus atau sokongan 33 bahagian.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden berkata, syarat peratusan pencalonan itu diguna pakai sekarang diluluskan di perhimpunan agung sebelum ini.

"Kita tak buat perubahan dan kita ikut apa yang ada dalam perlembagaan seperti sekarang," katanya pada sidang akhbar yang sama.

Dr Mahathir turut mengulas usul bahagian Sungai Siput yang mencadangkan penyandang jawatan Perdana Menteri dihadkan kepada 12 tahun, bagaimanapun berkata, ia adalah hak bahagian berkenaan.

"Sama ada ia diterima atau tidak, terpulang kepada ahli Umno (keseluruhannya)," katanya sambil melahirkan rasa puas hati terhadap perjalanan mesyuarat peringkat bahagian setakat ini.

Mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang di Pahang, beliau berkata, Abdullah akan mengetuai perarakan calon Barisan Nasional (BN) Redzwan Harun pada hari penamaan calon, esok.

Katanya, BN akan menumpukan usaha mencapai kemenangan dalam pilihan raya kecil itu kerana menyedari pihak pembangkang akan menumpukan segala tenaga dan wang ringgit untuk membuktikan mereka lebih popular.

Langkah itu juga, katanya, bertujuan mengelak berulangnya kekalahan BN seperti pada pilihan raya kecil Parlimen Arau pada 1998.

"Kadangkala kita pandang ringan pilihan raya kecil kerana beranggapan walau apa pun berlaku, kita terus jadi kerajaan. Kali ini kita beri tumpuan di Sanggang.

"Jika kita tak beri perhatian, pihak lawan akan cuba sedaya upaya untuk menang, kemudian mereka akan kata (jika menang) bahawa sokongan terhadap Umno di Pahang sudah merosot," katanya.